KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPSM			

SH 22.11.2021_33

Kerajaan setuju beri pampasan kepada Pahang

Kekalkan hutan simpan dengan jumlah tertinggi di Semenanjung Malaysia

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

BERA

Kerajaan Persekutuan bersetuju memberikan pampasan kepada Pahang berikutan komitmen negeri itu mengekalkan hutan simpan dengan jumlah tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya akan mencari formula terbaik bagi menilai jumlah pampasan tersebut.

Menurutnya, jumlah yang bersesuaian difikirkan supaya kerajaan negeri mendapat manfaat dan dalam masa sama tidak membebankan kerajaan Persekutuan.

"Di Semenanjung, Pahang adalah negeri tertinggi yang mengekalkan hutan simpan lebih 57 peratus dan pengorbanan itu kita tidak lupakan.

"Mengenai pengorbanan kerajaan Pahang untuk mengekalkan hutan simpan, sebenarnya kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberikan pampasan kepada Pahang dan mana-mana negeri yang mengekalkan hutan simpan mereka," katanya.



ISMAIL SABRI

Beliau berkata sedemikian dalam ucapannya pada pelancaran Program Pemerkasaan Pendigitalan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) Kebangsaan 2021 di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di sini pada Ahad.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamad dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Ujar beliau, kerajaan sedang mengkaji formula terbaik untuk menyalurkan jumlah pampasan yang sewajarnya kepada kerajaan negeri.